

Analisis Sistematis Rangka Kerja Pelaksanaan Pembelajaran Keusahawanan menggunakan Teknik Delphi

Nik Hanis Zuraihan Rahimi, Mohamad Sattar Rasul, dan Ruhizan Mohammad Yasin

Abstrak – Delphi merupakan teknik kajian yang fleksibel untuk dilaksanakan dalam pelbagai bidang kajian. Walaubagaimanapun, kurang kajian dapat diperolehi di negara ini dalam pendidikan keusahawanan menggunakan teknik Delphi. Keusahawanan telah mendapat tumpuan meluas terutama melalui kurikulum pendidikan namun, dari segi pelaksanaan pembelajarannya masih kurang jelas untuk mencapai hasil pembelajaran yang ditetapkan. Menyedari potensi kegunaan teknik Delphi, kertas kerja ini akan membincangkan pelaksanaan teknik ini dalam konteks kajian keusahawanan. Kaedah ulasan sistematis digunakan untuk mendapatkan artikel daripada penerbitan jurnal dan konferens. Dapatan kajian adalah berbentuk perbincangan berkenaan fleksibiliti dari segi proses dan reka bentuk kajian menggunakan teknik Delphi. Fleksibiliti Delphi dapat dilihat melalui reka bentuk Delphi yang sesuai untuk kajian kualitatif dan kuantitatif dan analisis yang boleh digunakan untuk menentukan konsensus pakar seperti analisis JAK atau *fuzzy*. Kesimpulannya, teknik Delphi boleh dilaksanakan dalam kajian yang ingin mendapatkan pandangan pakar tetapi ia perlu melalui prosedur yang jelas supaya dapatan kajian sah dan boleh dipercayai.

Kata Kunci -- Teknik Delphi, Pendidikan keusahawanan, Teknikal dan vokasional, Kolej vokasional